

KELANTAN TAK GALAK PENGASINGAN DI RUMAH

# PERLU TERUS KEKAL DI PKRC

Bernama

Kota Bharu

**P**usat Kesiapsiagaan dan Tindakan Cepat Krisis (CPRC) Kelantan tidak menggalakkan Perintah Pengasingan di Rumah (HIO) berikutan peningkatan kes Covid-19 di negeri ini ketika ini.

Pengarahnya Dr Mohd Azman Yacob berkata individu positif wabak itu sebaliknya perlu berada di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC).

"Ini kerana pertamanya dari segi kawalan dan kedua untuk mengesan gejala terutama pesakit yang berumur. Kalau duduk di rumah mungkin mereka tidak maklumkan kepada hospital atau Pusat Penilaian Covid-19 (CAC)," katanya, kelmarin.



DR Mohd Azman melambaikan tangan kepada pesakit ketika meninjau PKRC Putik Pengkalan Chepa.

Beliau berkata demikian selepas meninjau PKRC Pusat Tarbiah Islamiah Kelantan (Putik) Pengkalan Chepa di sini.

Dalam pada itu, beliau berkata mereka yang ditempatkan di PKRC di negeri ini

perlu terus kekal berada di pusat berkenaan sehingga tempoh kuarantin tamat susulan terdapat permintaan daripada pesakit Covid-19 yang ingin pulang ke rumah selepas berada tujuh hari di PKRC dan mahu menamat-

kan baki tiga hari kuarantin secara HIO di rumah.

Dr Mohd Azman berkata Kelantan kini memiliki 10 PKRC berikut pembukaan dua lagi pusat berkenaan di Dewan Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKT) Pasir Mas dan Dewan Jubli Perak, Majlis Daerah Tanah Merah.

"PKRC KKT Pasir Mas sudah dibuka pada Selasa (11 Mei) akan menempatkan 160 pesakit wanita manakala PKRC Tanah Merah beroperasi bermula Rabu (12 Mei) akan menempatkan 200 pesakit lelaki," katanya.

Ditanya mengenai cadangan pembukaan hospital medan, Dr Mohd Azman berkata perbincangan di peringkat negeri bersama tentera sudah dilakukan, namun pembukaannya akan disemak semula memandangkan PKRC ketika ini masih mampu menampung jumlah pesakit.

## Lebih 700,000 individu terima dua dos vaksin

**Kuala Lumpur:** Sejumlah 732,305 individu sudah lengkapkan dua dos suntikan vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan setakat Rabu lalu, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba.

Menerusi akaun Twitternya kelmarin beliau berkata, angka itu adalah sebahagian daripada 1,182,133 individu yang sudah menerima dos pertama, sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan pemberian dos pertama dan kedua di ne-

gara ini sebanyak 1,914,438 dos setakat kelmarin.

Dalam infografik dikongsikannya, lima negeri yang menerima suntikan dos pertama tertinggi ialah Selangor dengan 157,056 dos, Kuala Lumpur (124,137), Sarawak (123,393), Perak (106,974) dan Johor (100,163).

Setakat Rabu, 41.6 peratus atau 10,081,015 individu sudah mendaftar untuk menerima suntikan vaksin, dengan Selangor mencatat jumlah pendaftaran tertinggi berjumlah 2,592,738 individu.

## Kedaaan hospital terkawal

**Ipoh:** Mesej tular mendakwa situasi di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini, berada pada tahap membimbangkan berikutan peningkatan kes Covid-19 adalah tidak benar.

Pengarah HRPB Dr Abdul Malek Osman berkata mesej berkenaan adalah palsu, sebaliknya keadaan semasa di hospital itu masih terkawal,

malah perkhidmatannya juga berjalan lancar seperti biasa.

"Masyarakat diingatkan agar tidak menularkan sebarang berita atau maklumat yang tidak sahih, agar tidak mencetuskan kebimbangan dan kekeliruan dalam kalangan masyarakat," katanya dalam satu kenyataan, kelmarin.

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD 200801010522 (811810-U)



mempersempahkan

## Misi Raya Mat Gyver

"Andai ada terkhilaf kata,  
Ampun dan maaf perlu dipinta,  
Tahun ini tak dapat bersama,  
Namun Raya tetap Raya."

#rayatetapraya



Imbas kod QR  
untuk saksikan  
klip video penuh



www.agrobank.com.my



www.facebook.com / Agrobank



@AgrobankMy



AgrobankTV